



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 20 (14 MEI – 20 MEI 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-20 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,444 kes berbanding 2,242 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 202 kes (9.0%). Dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-20 tahun 2023.

Jumlah kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-20 adalah sebanyak 43,619 kes berbanding 16,144 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 27,475 kes (170.2%). Manakala sejumlah 28 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding sembilan (9) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Bilangan lokaliti hotspot pada minggu ini menurun dengan sebanyak 77 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 87 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Daripada 77 lokaliti yang dilaporkan, 51 lokaliti berada di Selangor, 14 lokaliti di Pulau Pinang, enam (6) lokaliti di Sabah, tiga (3) lokaliti di WPKL & Putrajaya, dua (2) lokaliti di Kedah dan satu (1) lokaliti di Perak.


Bagi surveilan chikungunya sebanyak satu (1) kes telah direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-20 dengan satu (1) kes dari Kedah. Jumlah kumulatif kes

chikungunya sehingga kini adalah 131 kes. Bagi surveilans zika, sebanyak 1,114 sampel darah dan 49 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Pelbagai aktiviti kawalan telah dijalankan oleh KKM bagi mengurangkan kejadian kes denggi yang sedang meningkat. Antara aktiviti kawalan yang dilakukan adalah pemusnahan tempat pembiakan nyamuk *Aedes*, larvasiding, semburan ruangan, pendidikan kesihatan dan penguatkuasaan. Sejumlah 2,178,264 premis telah diperiksa di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 dengan 60,511 premis didapati mempunyai tempat pembiakan nyamuk dan 18 premis telah diarahkan tutup. Sebanyak 12,748 kompaun telah dikeluarkan dengan jumlah kutipan RM 1,680,920. Manakala sebanyak 1,263 kes telah didakwa di mahkamah dengan jumlah denda RM 825,530.

Semua lapisan masyarakat perlu memikul tanggungjawab dan bekerjasama untuk menjaga kebersihan kawasan persekitaran serta memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk *Aedes* di persekitaran dalam usaha menurunkan kejadian kes demam denggi. Lakukan gotong-royong sendiri serta aktiviti Cari dan Musnah tempat pembiakan nyamuk *Aedes* sekurang-kurangnya 10 minit seminggu agar tiada tempat pembiakan nyamuk *Aedes* di persekitaran kita. Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik di dalam tempat penakungan/ penyimpanan air. Gunakan bahan repelan di bahagian badan yang terdedah serta memakai pakaian yang menutup anggota badan semasa melakukan kegiatan di luar rumah. Kesihatan dan keselamatan diri, keluarga, pekerja serta masyarakat adalah tanggungjawab bersama. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
24 Mei 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu **Epidemiologi** ke-20 dan ke-19 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu **Epidemiologi** ke-20 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan Demam Denggi Malaysia tahun 2023, 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-20 tahun 2023